

# KENYATAAN MEDIA

***UNTUK SIARAN SEGERA***

## **CIDB LANCAR N3C 2.0 BAGI MENERAPKAN BUDAYA TELUS DAN CEKAP DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

***Pusat sehenti bagi maklumat kos pembinaan dinaiktaraf bagi menyediakan maklumat yang berkualiti dan terkini***

**Kuala Lumpur, 25 MAC 2021:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini melancarkan *National Construction Cost Centre 2.0* (N3C 2.0) bagi menyediakan data kos pembinaan yang komprehensif, berkualiti dan terkini kepada penggiat industri. N3C 2.0 adalah versi yang dijenamakan semula dan dinaiktaraf bagi sistem maklumat industri, MyN3C yang telah dilancarkan pada tahun 2016.

Portal sistem maklumat ini dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) sebagai pusat sehenti untuk membolehkan maklumat kos dan data pembinaan dapat diperolehi secara atas talian dengan mudah. Menerusi portal ini, para penggiat industri serta orang awam boleh mendapatkan maklumat tentang kos pembinaan yang sahih dan telus. Ini dilihat akan terus menerapkan budaya yang telus, cekap dan berdaya saing dalam kalangan penggiat industri pembinaan.

“Data dan maklumat berasaskan sumber yang boleh dipercayai adalah sangat penting untuk membuat keputusan yang tepat terutamanya dalam perancangan kos. Penubuhan pusat sehenti seperti N3C 2.0 adalah penting untuk dijadikan rujukan kepada para penggiat industri serta orang awam bagi mendapatkan maklumat tentang kos pembinaan. Melalui keputusan yang berasaskan pengetahuan dan bukti, kita dapat memastikan industri pembinaan menjadi lebih dinamik, produktif dan cekap,” kata kata Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kanan (Infrastruktur) Kerja Raya semasa Majlis Pelancaran N3C 2.0 awal hari ini.

Portal N3C 2.0 dilengkapi dengan pelbagai ciri yang telah dinaiktaraf. Antaranya;

- mempunyai visual yang lebih interaktif;

- mesra pengguna telefon bimbit;
- berkeupayaan untuk menganalisa data-data dari tahun 2012 sehingga kini secara perbandingan dan trend;
- menyediakan platform promosi produk pembinaan secara atas talian; dan
- menyediakan gerbang pembayaran secara atas talian

Pengguna juga boleh mendapatkan pengisian produk yang bersesuaian dengan pembangunan yang dirancang, seperti;

- harga bahan binaan;
- kadar upah pekerja binaan;
- kadar sewa jentera binaan dan harga jualan peralatan binaan;
- empat indeks merangkumi Indeks Kos Bahan Binaan, Indeks Kos Pekerja Binaan, Indeks Kos Jentera dan Peralatan serta Indeks Kos Bangunan.

“Portal yang dinaiktaraf ini akan menjadi pusat rujukan yang penting untuk industri. CIDB menyasarkan untuk memudahkan akses kepada maklumat pembinaan yang komprehensif, memastikan data yang dikeluarkan secara berkala adalah bertujuan untuk memperkukuhkan pembangunan dasar dan membolehkan keputusan yang tepat, perancangan sumber yang lebih baik, serta kelestarian operasi untuk jangka panjang,” kata Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

CIDB kini dalam perancangan untuk menerbitkan Indeks Harga Tender untuk kerja-kerja bangunan sebagai salah satu rujukan yang disediakan di N3C 2.0. Di samping itu, CIDB juga akan membangunkan *Construction Cost Benchmark* dan *Whole Life Cost* dalam masa terdekat.

“Maklumat-maklumat ini amat penting sebagai panduan dalam membuat anggaran kos projek, menganalisa pasaran pembinaan, menilai pergerakan harga dan lain-lain. Menerusi kewujudan pusat sehenti N3C 2.0 yang dilengkapi akses data yang berkualiti, diharapkan para penggiat industri mendapat impak positif dan optimum dari segi masa, kualiti dan kos dalam membuat keputusan perniagaan serta perbelanjaan awal,” tambah Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

####

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---